

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

TAHUN 5. BIL. 11

BANDAR BRUNEI, 8 JUNE, 1960 (14 Zulhijjah, 1379)

PERCHUMA

PESUROH JAYA TINGGI BERCHUTI

Dato Blelloch, bekas Penasihat British di-Perak, pemangku-nya

BANDAR BRUNEI.—Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White akan berlepas dari Brunei pada 12 June ini kerana berchuti panjang di-United Kingdom.

Sa-belum menaiki kapal terbang "Prince" sharikat minyak Brunei Shell Petroleum Company di-lapangan terbang Anduki ka-Singapura, Tuan White akan memeriksa barisan kehormat yang akan di-berikan oleh pasukan Polis Brunei.

Tuan White akan singgah di-Singapura kerana bermalam dan akan berangkat ka-Kuala Lumpur pada keesokan hari untuk bertemu dengan Duli Yang Maha Mulia yang pada masa ini berchuti di-Persekutuan Tanah Melayu.

Tuan White akan bertolak dari Kuala Lumpur ka-United Kingdom dengan kapal terbang pada petang Rabu, 15 June.

Ini-lah kali pertama Tuan White berchuti ka-United Kingdom semenjak di-lantek menjadi Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei berikutan dengan pemashhoran perlembagaan Negeri Brunei pada 29 September tahun lepas.

Sa-belum itu beliau berkhidmat di-Brunei sa-bagai British Resident, suatu jawatan yang telah di-hapuskan di-bawah satu perjanjian baharu antara Brunei dengan United Kingdom.

Tuan White akan berada di-United Kingdom sa-hingga bulan September tetapi di-jangka balek



Tuan D. C. White.

ka-Brunei sa-hari dua sa-belum perayaan menyambut ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia pada 23 September.

Sa-lama Tuan White berchuti jawatan-nya akan di-pangku oleh sa-orang bekas pegawai tinggi dalam perkhidmatan awam Melayu, Dato I. Blelloch. Jawatan Dato Blelloch yang akhir di-Melayu ia-lah Penasihat British bagi Negeri Perak.

Dato Blelloch telah sampai di-Brunei pada hari Ahad lepas. Beliau telah di-sambut di-lapangan Berakas oleh Tuan White.

PENGUASA PELAJARAN MELAYU JADI TIMBALAN SETIAUSAHA



BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun telah di-umumkan menjadi Timbalan Setia Usaha Kerajaan Negeri Brunei mulai 1 May lepas.

Inche Marsal berumur 46 tahun telah di-lahirkan di-Kampung Pulau Ambok, Brunei, dan telah mendapat pelajaran di-sekolah Melayu Jalan Pemancha, Bandar Brunei.

Beliau ia-lah anak Brunei yang pertama di-hantar ka-luar negeri pada tahun 1930 untuk melanjutkan pelajaran di-Maktab Perguruan di-Tanjong Malim, Persekutuan Tanah Melayu.

Sa-belum di-umumkan menjadi Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Inche Marsal ia-lah Penguasa Pelajaran Melayu Brunei ia itu suatu jawatan yang mula2 di-sandangkan kapada-nya pada tahun 1934.

Sungguh pun lantekan itu berjalan kuatkuasa-nya dari 1 May tetapi Inche Marsal belum lagi menjalankan tugas-nya di-pejabat.

Ini ia-lah kerana ia sa-orang daripada 7 orang ahli Majlis Pemangku Raja yang telah di-lantek menjalankan kewajipan2 Sultan sa-lama Duli Yang Maha Mulia berchuti di-Persekutuan Tanah Melayu.

TAHNIAH KAPADA SERI PADUKA

BANDAR BRUNEI — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Pemangku Raja yang kanan telah mengutus sapuchok kawat tahniah kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu pada hari menyambut ulang tahun keputeraan baginda di-Kuala Lumpur pada 1 June.

Kawat itu di-hantar bagi pehak ahli2 Jemaah Pemangku Raja dan berbunyi:

"Ahli2 Jemaah Pemangku Raja menyebarkan ucapan selamat kapada baginda kerana hari keputeraan baginda."

Sa-rentak dengan pengirisan kawat Duli Pengiran Pemangku Raja itu, Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar telah mengutus sapuchok kawat yang sama maksud-nya kapada Perdana Menteri Persekutuan.

Kawat itu di-kirimkan bagi pehak kerajaan dan ra'ayat Negeri Brunei. Dalam kawat itu Dato Paduka berkata:

"Pada hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saya akan berbesar hati jika dapat di-sembahkan kapada baginda ucapan selamat dan kegembiraan kerajaan dan ra'ayat Brunei."

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Hisamuddin Alam Shah berusia 62 tahun.

Baginda telah di-pilih oleh Raja2 Melayu menggantikan Almerhum Tuanku Abdul Rahman sa-bagai Ketua Negara Persekutuan baharu2 ini.

Alamat Pejabat Penerangan

KUALA BELAIT. — Pejabat Penerangan Kuala Belait telah berpindah ka-bangunan pejabat2 kerajaan baharu di-Jalan McKerron.

Bilek bacaan maseh di-tempatkan di-pejabat lama di-Jalan Bunga Rambai.

'MUTU' ranchangkan temasha malam gembira

BANDAR BRUNEI.—Persekutuan Murid2 Tua Brunei, atau lebih terkenal dengan nama "MUTU" akan mempersembahkan satu temasha malam gembira di-Dewan Civic Centre, Bandar Brunei pada malam 2 July hadapan.

Tujuan mengadakan temasha tersebut ia-lah untuk mengutip derma bagi menolong pelajar2 Brunei di-luar negeri seperti di-England, Mesir dan Australia.

Keputusan tersebut telah diambil dalam satu mesuarat yang di-adakan baharu2 ini.

Mesuarat tersebut telah membentok sa-buah jawatan kuasa untuk menyelenggarakan temasha tersebut seperti di-bawah ini.

Pengerusi—Inche Yusof Imbee. Setia Usaha—Inche Abdul Wahab bin Mohamed. Setia Usaha Penerangan—Inche Mohammed Zain Ariff. Pengerusi Jualan Tiket—Inche Kamaludin bin Haji Abu Bakar. Pengerusi2 Bersekutu Jualan Bunga—Puan Naemah binti Yusof dan Puan Marhani binti Abdul Latiff. Penyimpan Wang—Inche Abidin bin Abdul Rashid dan beberapa orang ahli2 jawatan kuasa.

Berbagai acara akan di-langsungkan di-temasha tersebut.

Antara acara2 itu ia-lah nyanyian2 oleh Bintang2 Radio Brunei, Bintang2 Hari Raya serta penyanyi2 tempatan yang terke-

Pander Brunei"; tablo yang menarek hati, bacaan sajak oleh pembacha2 yang bijak dan lain2-nya.

Di-samping itu pancharagam yang terkenal akan bermain di-temasha tersebut.

Tiket2 berharga \$1.50, \$1.00 dan lima puluh sen boleh-lah di-beli mulai pertengahan bulan ini dari Inche' Kamaludin bin Haji Abu Bakar di-Jabatan Penerangan, Bandar Brunei.

SHELL TAWARKAN BIASISWA MENUNTUT DI-UNIVERSITY

SERIA.—Sharikat minyak Brunei Shell Petroleum Company telah menawarkan tiga biasiswa untuk menuntut di-university kepada penuntut2 Brunei.

Tawaran itu ia-lah tambahan kepada biasiswa2 yang telah diberi oleh sharikat itu kepada penuntut2 Brunei.

Penuntut2 yang memohonkan biasiswa itu hendak-lah berumur kurang dari 23 tahun pada 31 December tahun ini dan mempunyai sijil peperiksaan Senior Cambridge grade 2 sa-kurang2-nya.

Jika mereka itu telah lulus peperiksaan Higher School certificate hendak-lah mempunyai kelulusan grade 4 dalam tiga perkara.

Pertimbangan akan di-beri

kapada penuntut2 yang akan memasoki peperiksaan Higher School certificate atau G.C.E. "A" pada hujung tahun ini.

Biasiswa itu ia-lah untuk mendapatkan izajah yang biasanya boleh di-dapati dalam masa tiga tahun ia-itu tidak untuk kelulusan dalam lapangan perubatan atau jurusan gigi atau lain2 kechuali jurusan kejuruteraan yang di-persetujui oleh penderma biasiswa.

Butir2 yang lebih lanjut berkenaan dengan tawaran biasiswa itu boleh di-dapati daripada Pegawai Pelajaran Negara Brunei.

SAMBUTAN HARI JADI BAGINDA QUEEN

BANDAR BRUNEI.—Perbarisan kerana menyambut hari keputeraan Baginda Queen akan di-adakan di-padang di-hadapan bangunan pejabat2 kerajaan di-Bandar Brunei pada hari Sabtu hadapan pada pukul 8.30 pagi.

Pasokan Polis dan pasokan2 sukarela akan mengambil bahagian dalam perbarisan tersebut. Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White akan menerima tabek kehormatan.

Sa-lepas itu satu majlis selamat akan di-adakan di-rumah Pesuruh Jaya Tinggi. Tuan White akan menerima tetamu dari pukul 10 hingga pukul 11 pagi.

Tuan White tidak mengeluarkan jemputan rasmi tetapi mereka yang hendak memberi minum selamat kepada Baginda Queen ada-lah di-jemput datang ka-rumah Pesuruh Jaya Tinggi pada waktu tersebut.

Untuk menghadhiri majlis itu pakaian biasa sahaja memadai.

Sa-bagai merayakan hari keputeraan itu perbarisan akan juga di-adakan di-Kuala Belait pada sa-belah petang hari tersebut.

Pada malam-nya perlawanan bola sepak di-bawah cahaya lampu akan di-adakan di-padang Kuala Belait Recreation Club antara pasokan2 dari Bandar Brunei dan Belait/Seria....



Penuntut2 Brunei di-Kahirah, Mesir yang telah di-undang oleh sharikat minyak Shell Mesir menghadhiri satu majlis baharu ini di-Kahirah. Kelihatan dalam gambar ia-lah Inche Mohamed Zain bin Haji Serudin (kiri sa-kali), Inche Abdul Hamid bin Mohd. Daud (nombor tiga dari kiri), Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah (nombor empat dari kiri) dan Inche Mahali bin Haji Abdullah (kanan sa-kali).

TIGA SEKOLAH MELAYU BERSEKUTU MENGADAKAN HARI IBU BAPA

BANDAR BRUNEI.—Tiga buah sekolah Melayu yang besar di-bandar ini ia-itu SMJA, RIF dan SMLM telah bersekutu pada hujung minggu lepas kerana mengadakan hari ibu bapa bagi sekolah2 tersebut.

Achara2 bagi temasha hari ibu bapa itu telah di-adakan di-sekolah2 SMJA dan RIF. Sekolah2 itu telah di-kunjongi oleh ibu bapa dan penduduk2 negeri

yang chenderong pada pelajar-an.

Malam aneka warna telah di-adakan. Guru2 dan murid2 bersama mengambil bahagian untuk menjayakan-nya.

Hadiah2 bagi pemenang2 telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Pemangku Raja yang kanan.

Guru2 Melayu anjorkan malam bahasa Melayu untuk murid2

BANDAR BRUNEI.—Dengan anjoran guru2 Melayu yang mengajar bahasa Melayu di-sekolah2 menengah China, St. Andrew's dan St. George's akan di-adakan Malam Bahasa Melayu pada malam 10 June di-dewan Civic Centre di-sini.

Malam Bahasa Melayu itu akan di-lakukan oleh murid2 sekolah2 tersebut dengan peraduan2 dan pertunjukan2 yang keseluruhannya menggunakan bahasa Melayu, ia-itu :

- ◆ Peraduan sharahan
- ◆ Peraduan membacha sajak
- ◆ Peraduan membacha karangan
- ◆ Peraduan nyanyian
- ◆ Peraduan bacaan untuk darjah rendah sahaja
- ◆ Pertunjukan lakunan2, dan
- ◆ Pertunjukan tarian2.

Achara2 yang demikian ini, menurut pengasas-nya, ia-lah satu langkah menggalakkan pemakaian bahasa Melayu di-kalangan penduduk2 dan warga negara Brunei terutama pada anak2 bangsa asing yang maseh menduduki bangku sekolah.

Dengan demikian itu juga supaya perkembangan bahasa Melayu akan berjalan dengan lancar di-pergunakan oleh segala bangsa dalam negeri Brunei ini sesuai

dengan kehendak perasmian bahasa Melayu dalam perlembagaan negeri Brunei.

Tiket2 perchuma akan di-ku-luarkan kapada penuntut2 yang ingin menyaksikan Malam Bahasa Melayu itu.

Masa bekerja di-Pejabat Pos

BANDAR BRUNEI.—Masa menutup pos biasa dan pos udara ka-Borneo Utara, Kuching dan Singapura di-Pejabat Pos Bandar Brunei pada hari kelepasan kerana menyambut hari keputeraan Baginda Queen ia-lah seperti berikut :

Masa menutup pukul 12 tengah hari dan pukul 2 petang. Masa bekerja 11.30 hingga pukul 2 petang.

Kerja2 yang akan di-jalankan ia-lah menjual stam, menerima register dan bungkusan2 sa-haja.

HUTAN NEGERI PERLU DI-JAGA UNTOK MENDAPATKAN HASIL

DALAM beberapa minggu yang kebelakang ini perhatian telah di-tumpukan kepada perusahaan hutan negeri ini oleh satengah2 pelawat dari seberang laut yang telah datang ka-sini dengan tujuan hendak memperluas perniagaan kayu Brunei dengan negeri mereka.

Baharu2 ini sa-orang saudagar kayu dari Sidney, Australia, Tuan E. B. Cane telah bertanya kepada Pegawai Kehutanan Negara, Inche Mohamed Yakin bin Long akan kemungkinan Brunei menambah expot kayu, sama kayu balak atau papan ka-Australia.

Lawatan saudagar2 kayu ka-negeri ini ada-lah di-galakkan oleh laporan2 bahawa antara negeri2 di-kawasan Borneo British, Brunei ia-lah negeri yang banyak sa-kali mempunyai hutan simpan jika di-bandingkan dengan keluasan negeri.



Kayu balak yang telah di-ikat menjadi rakit di-ilirkan ka-pelabuhan untuk di-muatkan ka-dalam kapal ka-luar negeri.

Dari luas-nya yang berjumlah 2,226 batu persegi itu lebih 70% di-tumboh oleh kayu kayan yang boleh di-jadikan bahan expot ka-negeri2 lain.

Hutan2 itu terbahagi kepada beberapa jenis terutama-nya hutan tanah daratan rendah, hutan banjaran bukit, hutan paya, hutan bakau dan hutan2 pantai negeri ini.

Sa-bahagian besar dari hutan2 itu telah di-jadikan hutan simpanan. Hutan itu berjumlah 523,431 ekar atau 800 batu persegi lebih kurang. Hutan2 yang lain itu ada-lah di-katakan tanah kerajaan yang mungkin di-bagikan kepada anak negeri untuk di-jadikan kawasan2 kampung, ladang dan kebun2 kecil kelak.

PENDERMAAN UBAT POLIO DARI AMERIKA

BANDAR BRUNEI — Kerajaan Brunei telah menerima sa-banyak 80 botol kecil ubat polio daripada Kerajaan Amerika Serikat.

Ubat itu di-beri dengan per-chuma dan telah sampai pada minggu lepas.

Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abdul Wahab bin Ariff berkata bahawa sa-lain dari penyakit lumpoh ubat itu memberi kawalan daripada penyakit2 ke-rongkong, batok dan lain2.

Pendermaan ubat itu berikutan dengan wabak penyakit lumpoh yang telah menyerang 35 orang kanak2 yang berumur kurang dari 10 tahun dalam beberapa minggu yang kebelakang ini.

Hutan2 simpan itu berjumlah 42% dari hutan2 yang ada di-negeri ini dan berbanding sa-perti berikut:

Malaya, 25%; Sarawak, 20% dan Borneo Utara 3%.

Hutan2 tanah kerajaan pula

berjimpah: Brunei, 33%; Malaya, 49%; Sarawak, 52% dan Borneo Utara 80%.

Perusahaan hutan negeri ini telah di-tetapkan oleh dasar kemajuan kehutanan 10 tahun yang telah di-ranchangkan da-

RANGKA PERLEMBAGAAN PERSATUAN TINJU AMATEUR NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Dalam keluaran2 yang telah lalu Pelita Brunei telah memuatkan rangka perlembagaan persatuan tinju Brunei State Amateur Boxing Association.

Di-bawah ia-lah sambongan kepada peratoran2 yang telah di-siarkan.

5 (a) Yang di-Pertua akan menjadi pengerusi dan mengendalikan semua meshuarat.

(b) Sa-orang daripada Naib2 Yang di-Pertua akan menjadi pengerusi bila2 Yang di-Pertua tidak hadir.

(c) Setiausaha Kehormat akan menyimpan minit2 yang betul mengenai perjalanan semua meshuarat dan akan menguruskan kerja surat menyurat bagi pehak persatuan.

(d) Penyimpan Wang Kehormat akan menerima semua wang yang di-bayar kepada persatuan dan akan menyimpan semua wang yang diterima bagi pehak persatuan dan mengadakan kira2 yang betul baginya. Semua cheque yang di-keluarkan dari kira2 persatuan hendaklah di-tanda tangani oleh Penyimpan Wang dan di-tanda tangani pula oleh Yang di-Pertua. Buku2 dan kira2 akan terbuka untuk di-pereksa dalam sa-barang meshuarat jawatan kuasa.

(e) Oditor akan mengodit semua kenyataan kira2 yang di-sediakan oleh Penyimpan Wang Kehormat.

6. Sa-orang jika boleh dua orang Pegawai Perubatan Kehormat hendaklah di-jemput berkhidmat dengan jawatan kuasa dengan tidak mempunyai suara mengundi.

7. Sa-kira-nya ada perkara yang timbul yang tidak di-sharatkan dalam sharat2 Article, jawatan kuasa akan berkuasa memutuskan perkara itu.

lam tahun 1955. Dalam dasar itu keluasan hutan simpan akan di-tambah sa-hingga 50%.

Oleh sebab kekayaan yang di-dapati dari hutan itu besar dan bagi negeri ini kekayaan yang kedua sa-lepas perusahaan minyak, kawalan yang rapi ada-lah mustahak untuk menjamin pendapatan hasil bagi masa akan datang.

Expot balak dan papan dari negeri ini ada-lah di-hadkan sambil memelihara dan memperluaskan lagi kawasan2 hutan simpan.

BEKALAN PAPAN

Dalam hal ini dasar kerajaan ia-lah menyimpan kekayaan hutan terutama-nya untuk memenuhi kehendak2 kerajaan terhadap bekalan papan yang diperlukan dalam ranchangan2 pembinaan.

Sungguh pun demikian expot dari negeri ini mungkin bertambah dari masa ka-masa kerana kayu saperti lain2 tumbuhan harus di-tebang sa-telah chukup umor-nya.

Kayu bakau mithal-nya chukup besar-nya dan harus di-potong untuk di-jadikan dagangan sa-telah berumur 15 tahun dan kayu2 besar pula chukup besar-nya apabila berumur 70 tahun.

Memandang dari keadaan ini kerajaan ada-lah membenarkan 1/15 dari kawasan2 hutan bakau dan 1/70 dari kawasan2 hutan kayu2 besar di-buka untuk mendapatkan hasil.

EXPOT KA-AUSTRALIA

Ini bermaana dalam masa 15 tahun dan 70 tahun kayu di-kawasan2 yang mula2 di-buka itu akan besar pula dan boleh di-kerjakan sa-mula.

Expot balak dan papan yang di-benarkan sekarang ada-lah di-keluarkan dari kawasan2 tersebut. Kebanyakan balak dan papan itu di-hantar ka-Australia.

Antara kayu2 besar itu jenis "tolong" sangat di-hargai sa-bagai dagangan. Dalam tahun lepas sa-banyak 4,282 ton balak "tolong" dan lain2 kayu dan 1,208 ton papan telah di-expot.

Expot kayu ka-Australia telah berjalan semenjak beberapa tahun dahulu. Dalam tahun 1947 sa-banyak 226 ton balak telah di-hantar ka-Australia.



Konsul General Indonesia di-Singapore, Colonel Soeghi Arto dan isteri-nya disambut di-lapangan terbang Berakas oleh wakil kerajaan Brunei.

IKHTIAR MEMPERKEMBANGKAN BAHASA MELAYU DI-BRUNEI

Dalam pergulakan menuju ka-arrah perkembangan bahasa Melayu itu, negeri Brunei sebagai sa-buah negara Melayu yang sama bahasa dan kebudayaan-nya dengan negara2 tersebut tidak tinggal diam memperjuangkan bersama dengan berbagai2 chara dan bentok-nya dan telah menchatitikan dalam perlembagaan-nya bahawa bahasa Melayu ia-lah bahasa rasmi.

URUSAN PERTADBIRAN

Sesuai dengan perishtiharan perlembagaan itu maka kerajaan telah bertindak mengeluarkan "Surat Keliling-nya" memerintahkan kaki tangan kerajaan supaya menggunakan bahasa Melayu di-dalam urusan pertadbiran.

Perintah Surat Keliling ini telah di-ikut oleh kaki tangan kerajaan dan sedang berjalan satu demi satu menurut peringkat-nya.

Sa-belum kerajaan mengeluarkan Surat Keliling itu kerajaan telah menjalankan tugas untuk memperkembangkan bahasa Melayu dengan memakai saluran2 yang sedang di-gunakan pada masa ini :

- ◆ Menggalakkan pemakaian bahasa Melayu dalam hubungan pejabat dengan pejabat dan hubungan kerajaan dengan orang ramai; dan

- ◆ Menggalakkan pengajian bahasa Melayu di-sekolah2 Melayu, Inggeris, China dan Kelas pembenteras buta huruf yang di-anjorkan oleh kerajaan itu; dan lain2.

BADAN PERANCHANA

Sa-lain dari usaha2 dan tindakan di-atas, kerajaan telah meluluskan dalam Majlis Mesuarat Negeri yang bersidang pada 18 April lepas supaya membentok satu badan bebas yang bertugas menyelideki perkembangan bahasa Melayu di-Brunei sesuai dengan maksud Perlembagaan, dan kapada badan ini-lah di-serahkan tugas supaya menjaga perkembangan Bahasa Melayu dalam erti kata yang sa-luas2-nya.

Badan peranchana yang telah di-tubuhkan oleh kerajaan itu ada kemungkinan merupakan dewan bahasa dan balai pustaka yang akan bertugas sa-bagai production untuk menelorkan kata2 istilah, ejaan dan perama sestera bahasa Melayu menuju perkembangan-nya yang lengkap dan sempurna.

Tugas2 yang demikian ini tidak boleh di-tumpukan sa-mata kapada kerajaan melaksanakan-nya, tetapi hendaklah penchinta2 bahasa ibunda-nya lebeh2 giat memperjuangkan so'al ini dengan tidak alang kepalang.

Bagitu juga badan2 bahasa dan budaya di-Brunei dalam perkembangan bahasa Melayu ini sa-harus-nya tidak tinggal

Masa'alah bahasa rasmi ada-lah suatu soal yang tidak habis2 di-perbincangkan oleh negara2 Indonesia, Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Brunei.

Indonesia, Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura, mithal-nya, telah dan sedang memperjuangkan ka-arrah perkembangan bahasa Melayu dengan chara besar2an dan berlainan bentok-nya, tetapi satu tujuan pada pokok-nya.

Tegas-nya perjuangan itu ia-lah menchari jalan melayakkan Bahasa Melayu di-pergunakan dalam segala lapangan dalam maksud kehidupan dan politik — terutama sa-bagai pernyataan ta'at setia dan chinta kaseh pada bumi dan alam tempat mereka hidup dan mati.

diam supaya mengambil peranan penting dalam memperjuangkan bahasa ibunda-nya dengan perjuangan apa jua pun asalkan perjuangan itu sehat bentok-nya.

Sadikit sa-banyak usaha2 kerajaan yang berhubung dengan perkembangan bahasa Melayu telah membawa kesan2 yang menunjukkan tanda2 yang baik.

Papan2 nama pejabat dan segala hubungan surat menyurat telah di-tulis dalam bahasa Melayu. Tetapi dalam pada itu, tidak dapat di-sangkal ada juga orang yang berpura2 yang lemah semangat dan memendang rendah akan hakikat perasmian bahasa Melayu itu, yang memang terlalu banyak jumlah-nya.

Kechuali pejabat2 kerajaan, maka bilangan2 orang lain terutama pedagang2 sangat sedikit bilangan-nya yang menunjukkan jasa baik mereka dalam perkembangan bahasa Melayu ini. Sa-sungguh-nya ini sangat mendukachitikan.

Tidak siapa pun boleh menafikan bahawa ada sa-bilangan besar orang2 Melayu yang sa-

benar-nya dengan sa-chara tidak langsung menjadi penghalang bahasa kebangsaan itu.

Mereka sendiri enggan menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan dan pekerjaan-nya. sa-hari2, sa-kali pun pekerjaan itu dapat di-lakukan dalam bahasa kebangsaan.

Tetapi walau bagaimana pun segala sa-suatu harus di-lakukan bagi mengubah keadaan ini.

SUMBANGAN PEDAGANG2

Sa-kurang2-nya pedagang2 yang ada di-negeri Brunei ini mesti-lah menunjukkan keikhlasan mereka memberikan sumbangan kapada chita2 kebangsaan sesuai dengan ikatan apa yang di-katakan "ta'at setia mereka yang tidak berbelah bagi kapada negeri ini."

Pembesar2 negeri Brunei telah sering kali menegaskan betapa penting-nya bahasa kebangsaan itu harus di-pelajari oleh tiap2 penduduk negeri ini terutama sa-kali warga negara negeri Brunei.

Sesuai dengan dasar pemerintah bahawa dalam melaksanakan sa-suatu menurut peri-

ngkat2-nya, bahasa Melayu itu harus di-pakai dalam segala pentadbiran dan pelajaran dalam negeri ini.

Dalam melaksanakan chita2 ini, besar pergantungan-nya kapada sikap orang Melayu sendiri. Orang asing yang terpaksa mempelajari bahasa kebangsaan dan menggunakan-nya dengan syarat2 orang Melayu memaksakan berbuat demikian.

Keyakinan dan keperchayaan ra'ayat pada masa sekarang tertumpu pada bidang2 usaha kerajaan dan badan2 bahasa dan budaya di-Brunei dalam langkah2 yang tegas bagi menunaikan perasmian bahasa Melayu sesuai dengan jaminan yang termaktub dalam perlembagaan itu.

TERPAKSA DI-TERIMA

Bagi ra'ayat yang sama2 meningsafi tentang perubahan dalam masa-alah bahasa yang menuju kelengkapan dan kesempurnaan-nya, dengan sendiri-nya akan terpaksa di-terima.

Penerimaan ini kelak tentu-lah dengan kesedaran dan insaf bahawa mereka akan memperjuangkan perkembangan bahasa Melayu itu menuju kelengkapan dan kesempurnaan-nya sa-bagaimana bahasa2 yang maju di-dunia ini.

Dalam pada itu badan2 bahasa dan budaya di-Brunei mesti-lah mengkaji lebeh dahulu beberapa faktor mengenai perkembangan bahasa Melayu dalam pemakaian-nya dalam bidang2 yang tertentu, ia-itu :

- ◆ Meneliti serta menyiasat kedudukan bahasa Melayu di-kalangan bangsa2 yang menjadi ra'ayat Brunei; dan

- ◆ Memikir serta mengeshorkan sa-barang ikhtiar untuk menyebarkan dan meluaskan penggunaan-nya supaya menjadikan bahasa kebangsaan dalam erti kata yang sa-penohnya.



Kebanyakan sekolah2 di-luar bandar Negeri Brunei berupa saperti sekolah Melayu Bangar, di-atas.

Barisan buroh bersatu Brunei tunggu pendaftaran

BANDAR BRUNEI. — Penubohan sa-buah Persatuan Buroh telah berlangsung di-sini pada 29 May lepas dengan di-hadiri oleh lebih 100 orang pemuda2 dari seluruh Brunei, Tutong, Belait dan Temburong.

Majlis penubohan tersebut telah di-pengerusikan oleh Inche' A.M. Azahari dan telah membentok suatu Jawatan Kuasa Pusat sementara yang bertugas untuk mendapatkan pendaftaran persatuan tersebut.

Dengan sa-bulat suara Persatuan Buroh itu telah di-beri nama Barisan Buroh Bersatu Brunei atau ringkas-nya "EMPAT B".

Dalam majlis itu juga telah di-luluskan anggaran dasar persatuan tersebut yang keseluruhannya membela dan menjaga nasib segala peringkat kaum buroh dalam negeri Brunei.

Sa-bagai pengerusi majlis penubohan itu, Inche' Azahari berkata betapa penting-nya persatuan buroh di-Brunei dengan memandang hingga masa ini belum ada sa-buah pun persatuan buroh untuk mengawasi kepentingan dan nasib kaum buroh dengan tiada saluran tertentu untuk memperjuangkan nasib-nya pada masa hadapan.

Inche Azahari, "Memperjuangkan nasib kaum buroh tidak akan sempurna jika kita tidak mempunyai sa-buah organisasi yang teratur dan rapi; tegasnya kita mesti mempunyai sa-buah persatuan yang sa-mata2 bertujuan menjaga kepentingan buroh dan nasib-nya masa hadapan."

"Nasib kaum buroh hanya dapat di-perjuangkan oleh kaum buroh sendiri, bukan dari golongan lain," beliau menambah.


Memberikan nasihat-nya berhubung dengan ada satengah2 kaum buroh hanya menuntut kenaikan gaji-nya sa-mata2, perkara yang saperti itu adalah tuntutan yang yang tidak masuk akal, kerana perjuangan kaum buroh bukan-nya pada so'al itu sahaja.

"Kaum buroh hendaklah menunjukkan bakti kerja kepada majikan-nya dengan tidak berpura2, bukan hanya menyalahkan

pehak majikan dengan tiada alasan yang manasabah," ujar Inche Azahari.

Mengakhiri penerangan-nya berhubung dengan persatuan buroh Inche Azahari menegaskan bahawa persatuan buroh itu sampunama memakai payong di-musim hujan.

"Erti-nya kita ada perlindungan; kalau pun basah di-timpa hujan tetapi tidak basah kuyup";



Inche Awang Hafidz Laksamana beruchap dalam istiadat penubohan Empat B.

Konsul General Indonesia di-S'pura berkenalan dengan Pemangku2 Raja

BANDAR BRUNEI — Konsul General Kerajaan Republik Indonesia di-Singapura, Colonel Soeghi Arto bersama isteri-nya dan dua orang pegawai konsulat, Tuan Zainal Ariffin Tandjung dan Tuan Agus Suntara telah sampai ka-Brunei pada 18 May yang lalu dalam bidang lawatan beliau ka-kawasan Borneo British.

Colonel Arto telah di-sambut di-lapangan terbang Brunei oleh Inche Matnoor McAfee, seorang pegawai kanan dari Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

Di-antara yang hadir di-lapangan terbang itu termasuklah Inche A. M. Azahari, Ketua Umum Partai Raayat Brunei serta beberapa orang Indonesia yang tinggal di-Bandar Brunei.

Colonel Arto dan rombongan-nya telah berangkat ka-Istana Darul Hana pada petang hari tersebut untuk berkenalan dengan ahli2 Majlis Pemangku Raja.

Pada sa-belah malam itu Colonel Arto dan rombongan-nya telah di-raikan di-satu majlis jamuan oleh Pesuruh Jaya Tinggi British, Yang Terutma Tuan D.C. White di-rumah Pesuruh Jaya Tinggi di-Bandar Brunei.

Sa-lepas menghadiri majlis

kata Inche Azahari.

Jawatan kusa Pusat sementara itu ia-lah :

Yang Dipertua, Matarsad Marsal; Timbalan Yang Dipertua, Jassin Afandi; Setia Usaha Agong, A.A. Hafidz Laksamana; Timbalan Setia Usaha Agong, Othman Latiff; Bendahari Agong, Haji Gharif; Ketua Organisasi, Tamin Omar; Ketua Penerangan Mahmud Saleh; S. Usaha Perjuangan ka-dalam, Mohd. Yasin Wahab; S. Usaha Perjuangan Kelaur, Latif Pangis.

Pembatnu2 Umum ia-lah: 1. Ahmad Mudim Bakar, 2. Ladis Puasa 3. Pudin Ladi, dan 4. A. Tengah Hasif.

Azahari Mahmud. Inche A.M. Azahari telah dilantek menjadi penasihat kehormat.

KETETAPAN

TARIKH

PEPEREKSAAN

TERENGGAS

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan Terengkas Melayu akan di-adakan di-dewan SOAS College di-sini pada hari Rabu, 15 June pada pukul 8 pagi.

Peperiksaan itu ia-lah untuk menentukan kecekapan dalam 50, 80, 100, 110, 120 dan 130 perkataan sa-minit.

Chalun2 tidak boleh masuk peperiksaan yang lebih dari 80 perkataan sa-minit melainkan mereka mempunyai keterangan yang menyatakan bahawa mereka layak memasuki peperiksaan kepantasan yang lebih dari itu.

Untuk memasuki peperiksaan itu chalun2 hendaklah menyampaikan permohonan ka-pejabat Setia Usaha Kerajaan sa-belum 9 June ini.

Dua wakil Brunei ka-perayaan Singapura

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai kanan kerajaan, Yang Amat Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, Menteri Besar dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad, Pegawai Daerah Brunei, telah berlepas ka-Singapura pada hari Rabu lepas kerana mewakili negeri ini dalam perayaan pertama menyambut hari kebangsaan Singapura.

Sa-telah hadir dalam istiadat2 perayaan itu Dato Paduka dan Orang Kaya Shahbandar telah berlepas ka-Lumpur kerana mengadap Duli Yang Maha Mulia yang sekarang ini berchuti di-Persekutuan Tanah Melayu.

Orang Kaya Shahbandar di-jangka akan melawat beberapa kawasan perumahan di-Persekutuan dengan izin kerajaan Persekutuan.

Kemudahan itu di-beri kapada-nya kerana beliau ia-lah juga pengerusi Jawatan Kuasa Pemin-dahan Penduduk2 Kampong Ayer di-Bandar Brunei.

Dato Paduka ada-lah di-jadualkan balek ka-Brunei pada 13 June.

Penutupan jambatan

SERIA. — Jambatan Pangkalan di-Lutong telah di-tutup dari pagi Ithnin lepas untuk di-baiki. Kerja membaiki-nya di-jangka akan berjalan sa-lama sa-minggu.

Dalam satu siaran sharikat minyak Brunei Shell Petroleum berkata :

"Kereta2 dari Brunei yang hendak pergi ka-Miri hendaklah menggunakan jalan pantai dari Lutong melalui padang terbang ka-Piasau.

"Sa-lepas itu kereta2 dikehendaki melalui jambatan Bailey di-Piasau sa-hingga ka-simpang jalan Pujut."

Adat resam Melayu pengaruhi keluarga China

Semenjak beberapa minggu yang lalu Pelita Brunei telah memperkenalkan beberapa orang wanita Melayu tempatan yang cenderung dalam berbagai2 lapangan seperti kebajikan, pelajaran, politik, sukan dan lain2-nya.

Dalam keluaran ini kita mengambil kesempatan memperkenalkan sa-orang wanita China yang kemelayuan budi pekerti-nya semenjak ia kechil lagi.

Dari pergaulan-nya dengan orang2 Melayu di-negeri ini ia sekarang berasa kekok hendak memakai pakaian yang lain dari kain batek dan baju kebaya yang sangat di-gemari oleh wanita2 Melayu itu.

Wanita China itu ia-lah Puan Cecilia Chong, yang lebeh terkenal dengan nama isteri Tuan Chong Tau Fah, sa-orang pegawai kanan dalam Perkhidmatan Pertadbiran Brunei yang bertugas di-Pejabat Kerja Raya sebagai accountant.

BERCHUTI KA-EROPAH

Puan Cecilia yang telah berlepas dalam minggu lepas dari Brunei ka-Eropah mengikut suami-nya kerana berchuti sa-lama enam bulan itu berkata :

"Saya telah sehati dengan pakaian Melayu. Saya akan berasa kekok jika terpaksa memakai pakaian yang perlu di-gunakan dalam negeri2 yang sejok di-Eropah kelak."

Puan Cecilia telah di-lahirkan di-Limbang, jajahan Sarawak yang berhampiran dengan Brunei. Ia telah besar di-sekitar kalangan Melayu di-sana dan di-Brunei.

Adat resam Melayu telah mempengaruhi Puan Cecilia. Sa-lain dari pakaian ia juga melebelkan bahasa Melayu dari bahasa China atau Inggeris.

Pengaruh kebudayaan Melayu itu telah meresap hingga ka-dapur Puan Cecilia — keluarga-nya suka kapada masak2an Melayu yang di-hidangkan oleh Puan Cecilia.

Puan Cecilia telah mendapat pelajaran Inggeris di-Kuching tetapi telah pindah ka-Brunei sa-telah tamat pelajaran-nya di-sana.

Semenjak itu ia telah mencheborkan diri dalam berbagai2 lapangan kebajikan negeri ini. Sekarang Puan Cecilia ia-lah sa-orang ahli jawatan kuasa lembaga pelawat ka-rumah sakit dan juga ahli jawatan kuasa pasokan palang merah Brunei.

Tetapi antara berbagai2 kegemaran yang di-dukong-nya untuk menghabiskan masa kelapangan-nya, seni musik ada-lah perkara yang sangat di-sanjong tinggi oleh Puan Cecilia.

Kechenderongan Puan Cecilia dalam seni musik sa-bagai pemain organ sangat2 di-hargai oleh Gareja Saint Andrew, Bandar Brunei yang telah mendapat perkhidmatan-nya semenjak beberapa tahun yang lampau.


Puan Cecilia biasa menjadi pe-

ngadil dalam pertandingan2 menyanyi ketika di-adakan temasha2 malam gembira di-Bandar Brunei.

Pada masa kelapangan-nya di-rumah, Puan Cecilia tidak ke-

an saperti rambutan, limau manis, belimbing, nanas, betik dan lain2 telah di-tanam oleh Puan Chong di-kebun2-nya di-Muara dan Tutong dan juga di-rumah-nya di-Bukit Salillah, Bandar Brunei.

Kerana pengalaman-nya yang luas dalam hal ehwal tanaman, Pejabat Pertanian tempatan sering menjemput Puan Chong menjadi pengadil di-temasha2 pertunjukan tanam2an di-negeri ini semenjak beberapa tahun yang lalu.



Puan Cecilia Chong

tinggalan melateh anak2-nya bermain piano dan lain2 alat bunyian.

Tetapi ia juga tidak ketinggalan berbukti kapada tanah dengan kechenderongan-nya dalam tanam2an.

Beberapa banyak pokok buah2-

Antara lain2 kegemaran Puan Cecilia Chong ia-lah memancing ikan. Laut Muara ada-lah menjadi tumpuan bagi keluarga Chong itu bila2 Tuan Chong Chong itu bila2 Tuan Chong Tau Fah suami Puan Cecilia Chong berehat dari kewajipan-nya di-pejabat. (MZA).

SAMBUTAN HARI RAYA KORBAN DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban telah di-sambut di-seluruh negeri pada hari Sabtu lepas oleh penduduk2 Islam di-negeri ini.

Mereka itu telah berkumpul ka-mesjid di-daerah masing2 untuk bersembahyang Hari Raya Haji yang telah di-adakan sa-belah pagi hari.

Di-sini Mesjid Omar Ali Saifuddin telah menjadi tumpuan kaum Islam. Lebeh 2,000 orang telah sembahyang pada pagi tersebut.

Untuk menyambut hari yang berbahagia itu pejabat2 kerajaan telah di-tutup pada hari Sabtu dan hari Ithnin sa-bagai ganti hari Ahad yang tetap menjadi hari kelepasan bekerja.

Saperti Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji ada-lah juga di-jadikan hari salatulrahim oleh kaum muslimin. Mereka itu telah bermaaf2-an antara satu sama lain.

Ziarah menziarahi telah juga di-lakukan.

Hari ibu bapa sekolah Bunut

KAMPONG BUNUT. — Tarikh sambutan hari ibu bapa sekolah Melayu Bendahara Sakam telah di-undorkan. Temasha itu akan di-langsungkan dari 23 hingga 26 June ini.

PENUNTUT2 BRUNEI DI-UNITED KINGDOM TERBITKAN MAJALLAH

"Suloh Brunei", sa-buah majallah dalam bahasa Melayu dan Inggeris yang terbitkan oleh Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom sa-bagai suara persatuan penuntut2 tersebut, bilangan pertama-nya telah kita terima.

Sa-bagai yang di-tegaskan oleh pengarang-nya :

"Bagi kami yang maseh menuntut sentiasa berazam untuk berbimbing tangan dengan para pembacha, dan sa-bagai membuktikan tujuan kami yang murni itu, tegas-nya penuntut2 di-United Kingdom, chuba mengemukakan buah fikiran dan pendapat2 bagi kepentingan bersama.

"Untuk mengemukakan buah fikiran dan pendapat2 kami, maka ini-lah kami persembahkan sa-buah majallah "Suloh Brunei". "Suloh Brunei", tegas-nya suara penuntut2 Brunei di-U.K. mempunyai tujuan yang suchi di-segi

perkembangan kesenian, kebudayaan dan kesusasteraan . . ."

Menilek dari apa kata pengarang majallah tersebut maka nyata-lah bahawa "Suloh Brunei" mempunyai dayautama untuk ke-luhoran bersama dalam men-champori pergulakan kemajuan dalam bidang2 yang tertentu bagi bangsa dan tanah ayer-nya yang di-chintai.

Yang demikian, kita menyatakan kebanggaan bahawa anak2 tanah ayer kita yang di-luar negeri mempunyai tekad yang demikian.

Tetapi walau bagaimana pun, hanya kita berharap semoga me-

reka dapat memisahkan alam penuntut dengan alam perjuangan yang lebeh luas lagi — tegas-nya alam yang akan di-tempoh mereka apabila keluar dari alam yang mereka berada sekarang.

Ketegasan kita, berjuang-lah dalam lapangan tertentu dengan tiada mengganggu pelajaran yang di-tuntut.

Menurut lazim-nya jarang sa-kali manusia dapat hidup dalam dua alam yang jauh perbezaan-nya itu.

"Suloh Brunei" mempunyai teknik yang sedarhana dan isi-nya membawa unsur2 yang bernilai dari segi pengetahuan, kebudayaan dan politik.

Keseluruhan-nya, "Suloh Brunei" mempunyai kesedarhanaan dalam nilai, bentok dan isi-nya. — (AT).

SPORTS CLUB, SOAS BERSAINGAN KA-ARAH KEJOHANAN

BANDAR BRUNEI—Brunei Sports Club dan Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei telah mendapat mata yang tinggi sa-kali dalam pertandingan hockey bahagian pertama antara pasukan2 di-Bandar Brunei semenjak pertandingan itu di-mulai pada awal bulan May.

Dalam tiga perlawanan, Brunei Sports Club telah mendapat enam mata. Bagitu juga Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei mendapat enam mata dari tiga perlawanan.

Sultan Omar Ali Saifuddin College dalam tiga pertandingan telah mendapat 5 mata. Pasokan itu telah menang dua pertandingan dan seri satu pertandingan.

JABATAN PELAJARAN

Jabatan Pelajaran telah mendapat satu mata dalam tiga pertandingan. Pasokan itu telah seri satu pertandingan.

Pasokan2 Police dan Pejabat Kerja Raya telah kalah dalam dua pertandingan.

Dalam bahagian kedua, Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei telah mendapat mata yang tinggi sa-kali dalam tiga pertandingan. Pasokan itu telah mendapat lima mata ia-itu menang dua kali dan seri sa-kali.

Lain2 keputusan bahagian kedua ada-lah seperti di-bawah ini.

Jabatan Pelajaran mendapat 3 mata, ia-itu menang sa-kali dan seri sa-kali.

CIVIC CENTRE

Dalam tiga pertandingan Civic Centre telah mendapat empat mata, ia-itu kalah sa-kali.

Sultan Omar Ali Saifuddin College telah juga mendapat dua mata dalam dua pertandingan. Pasokan itu telah menang satu pertandingan.

Pasokan2 Pejabat Sukat dan Police yang hanya mengambil bahagian dalam satu pertandingan sahaja hingga ka-akhir bulan lepas telah tidak berjaya memenangi pertandingan itu.

Tarikh, padang dan pasukan2 yang akan bertanding dalam pertandingan hockey tersebut mulai hari ini hingga ka-pertengahan bulan ini ada-lah seperti berikut:

June 8 di-Padang Bandar Brunei, bahagian pertama, Jabatan

Pelajaran melawan Pejabat Kerja Raya.

June 9 di-Padang Sultan Omar Ali Saifuddin College, bahagian pertama, Brunei Sports Club melawan Sultan Omar Ali Saifuddin College.

June 10 di-Padang Sultan Omar Ali Saifuddin College, bahagian kedua, Pejabat Sukat melawan Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei.

June 13 di-Padang Bandar Brunei, bahagian pertama, Police melawan Jabatan Pelajaran.

LAIN2 PERLAWANAN

June 14 di-Padang Bandar Brunei, bahagian pertama, Brunei Sports Club melawan Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei.

June 15 di-Padang Sultan Omar Ali Saifuddin College, bahagian kedua, Jabatan Pelajaran melawan Pejabat Sukat.

Keputusan basketball anjoran bekas penuntut2 sekolah China

BANDAR BRUNEI—Pasokan Woon Chong telah mengalahkan pasukan Tze Yong dalam pertandingan akhir basket ball dengan 46 mata berbalas 38 mata di-kawasan sukan Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah China di-Bandar Brunei pada minggu lepas.

Pertandingan tersebut di-langsungkan di-bawah anjoran Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah China, Brunei dan terbuka kepada pasukan2 di-Daerah Brunei.

Piala perak yang di-hadiahkan oleh persatuan tersebut telah di-menangi oleh pasukan Woon

Chong itu pada tahun yang kedua berturut2.

Hadiah2 kepada pasukan yang menjadi johan dalam pertandingan tersebut dan kepada lain2nya telah di-sampaikan oleh Tuan Ong Jin Teng sa-lepas pertandingan akhir itu.



Pasokan2 Woon Chong dan Tze Yong bergambar ramai sa-belum di-langsungkan pertandingan akhir basket ball antara pasukan di-Daerah Brunei baharu2 ini. Pertandingan itu di-langsungkan di-bawah anjoran Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah China, Brunei. Woon Chong yang memakai baju warna kelabu dan seluar puteh telah mengalahkan Tze Yong dengan 46 mata berbalas 38 mata. Yang memakai kemeja berchorak ia-lah pengadil2 dan kemeja puteh ia-lah pelatih2 pasukan2 itu.

Perisai McKerron: Forelanders dalam pertandingan akhir

BANDAR BRUNEI. — Ramai penggemar permainan bola sepak telah menyaksikan Forelanders mengalahkan Upper Airport dengan 1 gol tidak berbalas dalam perlawanan sa-tengah akhir perisai McKerron di-Padang Bandar Brunei pada petang 1 June.

Gol yang tunggal dalam pertandingan tersebut di-jaringkan oleh Norman Vowles centre forward Forelanders pada saat yang ke-20 dalam pertengahan yang pertama.

Chuacha pada petang tersebut sangat-lah panas. Bagaimana pun pemain2 kedua pasukan telah bermain dengan cergas sepanjang masa.

Dalam pada itu Sulaiman penjaga gol Forelanders dan Weston Keasberry penjaga gol Upper Airport telah menyelamatkan beberapa gol yang merbahaya.

Dengan kemenangan-nya itu Forelanders akan masuk bertanding dalam pertandingan akhir melawan satu pasukan dari Daerah Seria/Belait sedikit hari lagi.

Tuan John Then telah mengadilkan pertandingan tersebut.

Pemain2 Forelanders: Sulaiman, Jones, Parrot, Teo, Mitchell, Johnson, Joynt, Chin Yin Yee, Norman Vowles, Muffet dan Pegou.

Pemain2 Upper Airport: Weston Keasberry, Johnny Marcus, Pengiran Ismail, Sanif Taram, Awangku Jaludin, Abdul Rahman Sanif, Saidin, Aziz, Awangku Sharifuddin, Awangku Hashim dan Ali Burut.

FORELANDERS TEWASKAN AIRPORT 9 GOL BALAS 3

BANDAR BRUNEI. — Brunei United telah mengalahkan Forelanders dengan 9 gol berbalas 3 dalam satu perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan di-Padang Bandar Brunei baharu2 ini.

Perlu di-sebutkan bahawa Brunei United dan Forelanders ada-lah pasukan2 yang handal di-Bandar Brunei. Brunei United ia-lah pemegang piala perak saratus tahun Labuan manakala Forelanders pula telah berjaya memasuki pertandingan sa-tengah akhir bola sepak Perisai McKerron.

Pada separoh masa yang pertama Brunei United telah memperoleh 6 gol dan pasukan Forelanders satu gol.

Brunei United telah mendapat 3 gol lagi pada masa pertengahan yang kedua dan Forelanders pula mendapat dua gol.

Meskipun pertandingan tersebut di-adakan sa-chara persahabatan sahaja, namun tiap2 pemain telah menunjukkan chara permainan masing2 dengan seberapa daya upaya sa-panjang masa.

Sementara itu menurut satu puncha yang boleh dipercayai, tujuan di-adakan pertandingan tersebut ia-lah untuk memberi latihan kepada pasukan Brunei United yang telah berangkat ka-Labuan pada hari Jumaat yang lalu kerana melawan Labuan dalam pertandingan permulaan piala perak saratus tahun Labuan.

Temasha sukan sekolah2

BANDAR BRUNEI. — Temasha sukan antara murid2 sekolah di-Daerah Brunei di-bawah anjoran Brunei Amateur Athletic Association telah di-langsungkan di-Bandar Brunei pada hari Ahad lepas.

Murid2 sekolah di-Jajahan Belait telah mengambil bahagian dalam temasha sukan itu di-Seria pada hari tersebut juga.

Empat orang yang berjaya dalam tiap2 jenis pertandingan telah di-pilih untuk masuk bertanding dalam pertandingan akhir sa-negeri.

Pertandingan akhir itu akan di-langsungkan di-Seria pada hari Ahad 12 June.

Tentera berjaya merampas kuasa di-Turki

ANKARA, Turki — Angkatan tentera Turki telah mengambil kuasa buat sementara bagi negeri itu dan telah menahan pemimpin2 kerajaan yang terkemuka, demikian mengikut berita2 radio yang di-terima dari Ankara.

Radio Ankara berkata bahawa angkatan tentera Turki telah mengambil kuasa di-seluruh negeri pada tengah malam, dengan tiada pertumpahan darah sementara menunggu pilihan raya diadakan.

Di-antara mereka yang ditahan ialah Presiden Turki, Tuan Celal Bayar, Presiden Dewan Kebangsaan, Tuan Aefik Koralan, Menteri Dalam Negeri, Tuan Namik Gedik, Menteri Pertahanan merangkap Pegawai Turus Agong, Rustu Ordehun.

Radio itu berkata bahawa tindakan tentera itu bukan di-tujuan kepada sa-suat party.

UNDANG2 TENTERA

Rebutan kuasa itu berikutan dengan rusohan2 yang sa-kejap2 berlaku semenjak lebih dari sabulan sa-lepas ketua pehak pembangkang dari Parti Republikan, Tuan Ismet Inonu, di-gantungkan dari menjadi ahli meshuarat.

Hal ini telah di-turuti dengan mengishtiharkan undang2 tentera di-Turki.

Di-Ankara, Dewan Kebangsaan Turki, telah di-tangguhkan bersidang sa-lama empat minggu sa-lepas di-adakan satu meshuarat yang penuh dengan perkeltahan sa-waktu mana ahli2 dari puak pembangkang telah berkelelahi dengan ahli2 Parti Demokrat yang memegang tampok kerajaan dengan menggunakan penumbok2 kerusi2 dan bangku2 yang patah.

Polis telah memberhentikan perkelahian itu dan sa-lepas itu satu undi untuk menangguhkan persidangan itu telah di-luluskan dengan 226 suara lawan 117.

Sementara itu Kota Istanbul ada-lah dalam keadaan tenang apabila pemerintah berkurong di-jalankan sa-mula.

HARI PERAYAAN

Jalan2 raya telah lengang tetapi mesjid2 dan bangunan2 yang bersejarah ada-lah terang benderang, sa-olah2 merupakan hari perayaan di-bandar raya itu.

Askar2 telah menjaga bank2 dan lain2 bangunan yang penting tetapi kereta2 tanki telah di-perentahkan keluar dari bandar raya itu lewat pada tengah malam.

Angkatan tentera sekarang dapat mengawal keadaan di-negeri itu. Mereka ada-lah beramah tamah dan hormat kepada rayayat negeri.

Sa-orang juruchakap Jawatan-kuasa Persatuan Kebangsaan telah memberi tahu di-satu pertemuan akhbar di-Ankara, baha-

bahawa semua pemberita2 akhbar yang di-penjarakan dalam penerentahan Menderes telah di-bebasikan dan segala tuduhan2 yang di-hadapkan ka-atas mereka di-mahkamah telah di-batalkan.

Akhbar2 yang telah di-gantong penerbitan-nya untuk beberapa waktu dalam pemberentahan yang telah di-tumbangkan itu, telah mulai mengeluarkan penerbitan mereka termasuklah akhbar Aksam yang telah di-gantungkan penerbitan-nya pada 18 May sa-lama 20 hari kerana membidas peratoran2 dalam undang2 tentera.

wa rampasan kuasa itu telah diperentahkan oleh General Cemal Gursel dan gerakan tentera telah di-jalankan sa-rentak di-seluruh Turki.

Jawatankuasa Persatuan Kebangsaan Turki mengumumkan

PERBICHARAAN KA-ATAS 7 AHLI PAKATAN PENCHULEK PRESIDEN

JAKARTA. — Sa-kumpulan orang yang di-tudoh kerana mengambil bahagian dalam satu pakatan hendak menchulek Presiden Soekarno dan lain2 pembesar kerajaan, telah memberi tahu satu mahkamah khas pada minggu lepas di-sini akan satu perchubuan perampasan kuasa di-Jakarta pada petang tahun baharu yang lepas.

Tujuh orang yang di-bicharakan di-mahkamah itu telah di-tudoh oleh pehak pendaawa sa-bagai ahli2 kumpulan puak pemberontak yang memakai nama "Mangumi" (burong hantu). Mereka tidak mengaku salah.

Pihak kerajaan mendaawa bahawa penembakan dari kapal terbang yang dilakukan ka-atas Istana Presiden di-Jakarta dan Bogor dan juga serangan ka-atas sekolah kenderaan tentera di-Bandung, dalam bulan March lepas, ada-lah sa-bahagian dari pakatan itu.

Apabila pehak pendaawa memberi tahu kepada orang2 yang di-tudoh itu bahawa jika mereka terus menolak tuduhan2 itu, dan jika mereka di-dapati salah, hukuman ka-atas mereka akan berat.

Dalam pada itu tiga orang Indonesia yang telah di-dapati salah kerana menchuba membunuh Presiden Soekarno dalam November, 1957, telah di-tembak mati oleh satu pasukan penembak pada hari Sabtu lepas.

Mereka telah di-jatuhkan hukuman mati oleh satu mahkamah khas tentera pada 13 August 1958.

Rayuan mereka kepada mahkamah tinggi sabanyak dua kali dan perchubuan mereka meminta pengampunan Presiden telah tidak berjaya.

Perchubuan membunuh Presiden telah berlaku di-satu pekan kecil bernama Tjikini, di-mana Dr. Soekarno telah menghadhiri satu temasha budak2 sekolah.

Belanda tunjok kekuatan laut untuk menahankan Irian Barat

HAGUE (Belanda) — Kapal pengangkut kapal terbang Belanda yang chuma sa-buah sahaja itu, Karel Doorman, dengan diiringi oleh beberapa buah kapal perang pembinasa dan sa-buah kapal tanki minyak telah bertolak dari Negeri Belanda pada minggu lepas, dalam pelayaran kerana menunjokkan kekuatan ka-Timor Jauh.

Pelayaran ini ada-lah umumnya di-sifatkan di-sini sa-bagai bukti yang terang bahawa Belanda bertujuan hendak berdiri tegoh dalam menghadapi tuntutan Indonesia ka-atas Irian Barat yang di-perintah oleh Belanda itu.

Kerajaan Belanda telah menolak tuduhan2 bahawa kapal terbang-nyatelah menchabul angkasa penerbangan Indonesia.

Penolakan ini telah di-buat sa-lepas berita2 akhbar di-Jakarta menyatakan bahawa kapal terbang2 yang tidak di-kenali dan datang dari arah Irian Barat telah menchabul angkasa penerbangan Indonesia beberapa kali.

SEATO TELAH BERJAYA MENENTANG KOMUNIS

WASHINGTON. — Presiden Eisenhower telah berkata bahawa Perikatan Perjanjian Tenggara Asia sudah pun berjaya menchapai tujuan-nya yang pertama ia-itu menahan pehak komunis daripada menaloki lagi daerah2 kawasan perjanjian tersebut.

Beliau beruchap dalam satu jamuan di-Rumah Putih kerana merai'kan menteri2 dalam Perikatan Perjanjian Tenggara Asia atau SEATO.

Timbalan Presiden, Tuan Richard Nixon telah memberi satu pengakuan ta'at setia kepada SEATO tatkala beliau membuka persidangan tahunan SEATO di-Washington pada minggu lepas.

Tuan Nixon juga telah membuat ulasan sa-chara tidak menepati bahawa Russian telah memutuskan dengan sa-chara berterus terang bahawa sidang kemuchak tidak akan di-adakan dengan segera pada masa hadapan.

Sungguh pun Amerika tidak mahu mengelakkan daripada mengadakan sidang kemunchak yang akan membawa kepada keamanan, tetapi dunia sekarang tentu-lah memberi keperchayaan-nya kepada rundingan2 yang biasa di-adakan di-Bangsa2 Bersatu, dari sidang kemunchak yang Tuan Khrushchav di-masa2 yang lampau telah menggesa2 supaya di-adakan.

India undang Queen

NEW DELHI. — Satu undangan rasmi kepada baginda Queen Elizabeth supaya melawat ka-India akan di-hantar dalam masa beberapa hari lagi, demikian sumbar2 yang boleh di-perchayai di-New Delhi menyatakan pada minggu lepas.

Sumbar2 itu menyatakan bahawa keputusan untuk mengundang baginda Queen supaya melawat ka-India telah terchapai dan Presiden Rajendra Prasad sudah pun menghantar undangan rasmi itu kepada baginda.

Tarikh dan panjang-nya masa lawatan baginda itu terpulunglah kepada baginda sendiri memutuskan-nya, bagitu juga tentang sama ada baginda akan menyatukan lawatan baginda dengan lawatan ka-Pakistan dalam bulan February yang baginda telah menerima undangan dari kerajaan Pakistan.